

**UCAPAN PERASMIAN Y.BHG. DATO' KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR  
DI MAJLIS PELANCARAN PEMBUKAAN KURSUS ASAS PERKHIDMATAN  
JABATAN ALAM SEKITAR  
Tarikh : 16 Januari 2006  
Tempat : Auditorium, EiMAS**

Yang Berusaha Tuan/Puan Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Dr. Ir. Shamsudin Ab. Latif  
Timbalan Ketua Pengarah Alam Sekitar (Pembangunan),

Yang Berusaha Dr. Zulkifli Abdul Rahman  
Pengaroh Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS),

Yang Berusaha Pengarah-Pengaroh JAS Negeri dan Pengarah Bahagian,  
penceramah kursus, peserta kursus, tuan-tuan, dan puan-puan sekalian.

Bismillahirrahmannirahim

Assalamualaikum Warahmatuulahi Wabarakahtuh dan selamat sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada EiMAS di atas penghormatan yang telah diberikan kepada saya untuk hadir dalam Majlis Perasmian Kursus Asas Perkhidmatan bagi Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C41 yang kali kedua diadakan di EiMAS dan seterusnya merasmikan majlis pembukaan kursus pada hari ini.

2. Di sini ingin saya maklumkan terlebih dahulu bahawa Jabatan Alam Sekitar melalui EiMAS telah merangka dan menyiapkan sepenuhnya diskripsi tugas baru bagi semua jawatan kakitangan JAS Negeri. Pihak EiMAS akan mengadakan 'roadshow' ke semua JAS Negeri bagi memberi taklimat menerangkan diskripsi tugas baru kepada semua kakitangan JAS Negeri dalam

tempoh bulan Januari, dan Februari 2006. Diskripsi tugas ini dirangka selaras dengan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil.1 Tahun 2002 iaitu Garis Panduan Semakan Semula Prosedur dan Proses Kerja di Agensi Kerajaan. Pengubahsuaian senarai tugas ini membolehkan kakitangan JAS membuat kerja dengan lebih spesifik dan teratur. Saya berharap melalui pengubahsuaian senarai tugas ini ianya dapat mengelakkan pertindihan tugas di kalangan pegawai dengan adanya diskripsi tugas yang jelas dan ianya dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan Jabatan. Kursus-kursus yang disediakan oleh EiMAS akan dibentuk mengikut diskripsi tugas baru. Saya juga berharap dengan pengubahsuaian senarai tugas ini serta kursus yang khusus disediakan dapatlah lahir kakitangan Jabatan yang lebih professional dan cekap dalam bidang teknikal sehingga boleh menjadi pakar.

3. EiMAS juga telah turut terlibat dalam penyediaan Pelan Komprehensif Latihan untuk kakitangan di bawah Kementerian bagi tempoh sepuluh (10) tahun iaitu dari tahun 2005 hingga tahun 2014 dan akan diteruskan di tahun-tahun akan datang bagi memperkukuh dan mempertingkatkan kualiti serta produktiviti sumber manusia jabatan ini. Ianya bertujuan untuk memantapkan program sumber manusia dalam berbagai bidang mengikut keperluan agensi di bawah Kementerian. Ini adalah selaras dengan Pelaksanaan Dasar Latihan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2004 bagi memenuhi objektif-objektif seperti berikut:-

- (i) penyediaan pegawai-pegawai yang berkelayakan dan berkebolehan;
- (ii) pencapaian hasil kerja yang bermutu tinggi;

(iii) peningkatan kemahiran, kecekapan dan daya pengeluaran.

4. Adalah menjadi harapan program latihan dan pembangunan sumber manusia JAS dapat melahirkan warga yang mempunyai berpengetahuan (*knowledge*), berkemahiran (*skill*) dan sifat-sifat (*attitude*) terpuji. Namun hasrat ini dapat tercapai apabila setiap peserta kursus menyediakan diri untuk menerima ilmu dari segi teori dan praktikalnya dan mendisiplinkan diri untuk menerima tunjuk ajar.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Jabatan melalui EiMAS telah turut merancang program kursus yang sistematik khusus untuk mengawal dan melindungi alam sekitar. Latihan yang sistematik dan berkesan merupakan salah satu elemen yang penting dalam pendedahan awal bagi menangani masalah isu-isu alam sekitar. Melalui latihan alam sekitar ianya dapat membangunkan tenaga manusia yang berdaya saing, berpengetahuan, berkepakaran dan kompeten selaras dengan cabaran di era globalisasi. Adalah menjadi harapan kita, mereka-mereka yang telah melalui kursus-kursus yang dianjurkan di EiMAS ini akan meningkat pengetahuan dan kemahiran dan seterusnya dapat memberi perkhidmatan secara cekap dan berkesan serta dapat meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap cara kerja Jabatan sebagai sebuah agensi yang dipertanggungjawab mengawal pencemaran.

6. Saya berharap satu masa nanti EiMAS akan menjadi sebuah pusat kecemerlangan yang terunggul di Malaysia dalam penyebaran maklumat mengenai pengurusan alam sekitar kepada pegawai dan kakitangan JAS, lain-lain agensi kerajaan, sektor swasta dan peserta-peserta dari luar negeri. Melalui Kursus Asas Perkhidmatan ini saya berharap ianya dapat memberi manfaat dan pendedahan awal dalam bidang tugas dalam pengurusan alam sekitar samada kerja-kerja yang dijalankan di Jabatan Alam Sekitar Negeri atau di Ibu Pejabat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Kursus-kursus yang diikuti oleh setiap anggota dengan secara terancang ini akan merintis ke arah membangunkan tenaga manusia yang berdaya saing, berpengetahuan, berkepakaran dan kompeten selaras dengan cabaran globalisasi, perkembangan teknologi maklumat (IT), peralihan kepada 'knowledge economy (K-Economy)' dan 'electronic government (E-Government)' bagi membolehkan JAS menjadi sebuah organisasi yang cemerlang, gemilang dan terbilang khususnya dalam bidang pengurusan alam sekitar dan mewujudkan pegawai dan anggota yang berpengetahuan tinggi dan cara kerja baru ('new breed of DOE officers').

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Latihan yang disediakan oleh EiMAS ini saya percaya turut membawa kepada perubahan dalam diri mereka-mereka yang melalui proses pembelajaran. Dengan itu ianya akan membantu mengubah sikap anggota bagi meningkatkan prestasi kerja masing-masing. Oleh itu peserta-peserta kursus diharap akan

memanfaatkan segala kefahaman dan penemuan baru yang diperolehi supaya dapat digunakan bagi memperbaiki dan memperkemaskan tindakan-tindakan dalam menangani isu-isu alam sekitar dan pencemaran yang mana jika tidak ditangani dengan betul boleh membawa imej buruk kepada jabatan dan perkhidmatan awam. Sebaliknya timbalah ilmu dan kemahiran bagi merangka tindakan pro aktif untuk mencegah timbulnya isu-isu tersebut dan seterusnya menjadi kakitangan yang mengharumkan imej Jabatan dan perkhidmatan awam.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyeru kepada peserta kursus supaya dapat memberi tumpuan sepenuhnya terhadap kursus dan timbalah ilmu bagi menjadi anggota yang berpengetahuan, kompeten, berkemahiran, berprestasi tinggi, berintegriti, peka, kreatif dan berpandangan jauh dalam menjalankan kewajipan masing-masing. Kepada EIMAS saya ingin mengucapkan SYABAS di atas kejayaan menganjurkan kursus asas perkhidmatan ini bagi kali yang kedua.

Dengan kata-kata ini dan dengan lafaz BISMILLAHHIRRAHMANNIRRAHIM, saya dengan sukacitanya merasmikan Kursus Asas Perkhidmatan bagi pegawai baru yang dilantik ke jawatan Gred C41 pada pagi ini.

Sekian, terima kasih.

Assalamualaikum Warahmatuullahi Wabarakahtuh.